

Industri IT terus relevan

Program Akademi IT Microsoft memfokus dan menekankan graduan yang kompetan dalam dunia IT.

Kosmo 12/02/08 MS 2

Oleh AHMAD SYUKRAN ZAINUDDIN
ahmadsyukran.zainuddin@kosmo.com.my

MENJADI sebahagian daripada usaha berterusan untuk membawa teknologi terkini kepada pelajar di seluruh negara, Microsoft Malaysia dengan kerjasama kerajaan melancarkan Program Akademi IT Microsoft (Microsoft IT Academy Program) melibatkan 22 buah institusi pengajian tinggi tempatan.

Program ini bermatlamat memudahkan graduan memperoleh kerja dan kekal relevan dalam industri Teknologi Maklumat (IT). Ia dilaksanakan menerusi pembelajaran kemahiran aplikasi IT dan mendapatkan persijilan industri yang diiktiraf.

Untuk menggalak dan mengekalkan penghasilan modal insan intelektual di kalangan rakyat Malaysia, Program Akademi IT Microsoft direka bagi membantu 20 buah IPTA dan dua politeknik mengendalikannya secara dalaman.

Setiap institusi pengajian akan dilengkapi dengan latihan kemahiran, sumber pembelajaran, kurikulum dan persijilan kepada pelajarnya secara berterusan.

Majlis pelancaran program tersebut disaksikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin. Menurutnya, kerajaan mempunyai matlamat untuk menghasilkan graduan yang kompetan



MOHAMED KHALED NORDIN (tiga dari kiri) menyampaikan Anugerah kepada Muaz Mohd Taib pelajar dari POLIMAS pada majlis pelancaran Microsoft Academy di PWTC. LOKMAN NORHAKIM (PELATIH LIMKOKWING)

peten bagi memenuhi keperluan tenaga kerja dalam negara dan antarabangsa.

Sasarannya, 75 peratus graduan diterima bekerja dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian.

"Saya percaya, kerjasama dengan Microsoft Malaysia dalam program ini akan meningkatkan kemampuan institusi pengajian tinggi untuk menghasilkan tenaga kerja berpengetahuan dan bersedia untuk ekonomi inovasi.

"Saya mahu graduan memiliki kemahiran, ilmu dan sumber yang diperlukan untuk menukar landskap ekonomi berasaskan kepada pengetahuan. Kunci kepada transformasi ini ialah teknologi," kata Mohamed Khaled.

Pengarah Urusan Microsoft Malaysia, Yasmin Mahmood memberitahu, Program Akademi IT Microsoft merupakan komitmen berterusan Microsoft untuk bekerjasama dengan kerajaan dan industri dalam meningkatkan akses terhadap peralatan teknologi, kemahiran dan inovasi. Semua elemen ini penting bagi membolehkan individu meneroka potensi diri.

"Microsoft Malaysia sangat teruja dengan program ini, bukan sahaja kerana ia fokus kepada kepentingan dan perkembangan bidang IT di institusi pengajian tinggi, malah memberi penekanan bahawa graduan yang kompeten dalam IT menyumbang kepada pembangunan modal insan negara," jelas Yasmin.

Program Akademi IT Microsoft berperanan menyediakan program pendidikan berkualiti tinggi berkaitan teknologi Microsoft. Program ini meliputi:

■ Kurikulum Microsoft

Kurikulum teknologi bertaraf dunia untuk membantu pelajar menguasai pengetahuan dan kemahiran yang relevan dengan industri.

■ Sumber pembelajaran yang lengkap

Sumber talian yang luas dan mudah diakses menyediakan pelajar dengan pembelajaran secara *hands on*, selain pembangunan profesional buat tenaga pengajar.

■ Latihan kemahiran

Menghubungkan pembelajaran akademik dengan kemahiran kerja yang sebenar bagi membantu graduan relevan dalam pasaran kerja.

■ Persijilan Microsoft

Menghasilkan tenaga kerja berkemahiran untuk majikan. Justeru, graduan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran sewajarnya dalam bidang IT boleh diperolehi dalam pasaran kerja.

Menurut Pengerusi Majlis Dekan ICT, Prof. Dr. Shahrin Hj Sahib, manfaat utama program ini ialah persijilan Microsoft yang diperolehi oleh graduan.

"Berdasarkan kepada kaji selidik Trend Pengajian IT di Asia 2007/2008 oleh ZDNet, peluang pekerjaan masih terbuka luas buat golongan profesional IT dengan pendapatan yang semakin meningkat, kira-kira 20 peratus tahun ini.

"Ini membuktikan bahawa gaji yang lebih tinggi mula ditawarkan kepada para pekerja IT yang memiliki sijil profesional. Justeru, dengan sijil-sijil yang

Saya mahu graduan memiliki kemahiran, ilmu dan sumber yang diperlukan untuk menukar landskap ekonomi berasaskan kepada pengetahuan
- MOHAMED KHALED

bukan hanya memiliki kemahiran IT, malah jawatan dengan bayaran yang setimpal.

"Keadaan ini secara tidak langsung meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya mendapat persijilan berasaskan industri yang menepati keperluan tenaga kerja," kata Shahrin.

Yasmin menambah, kemahiran ICT amat penting dalam proses mendapatkan kerja dan penciptaan peluang pekerjaan dalam industri IT global yang sangat kompetitif.

Program Akademi IT Microsoft merupakan program pendidikan teknologi yang komprehensif. Ia bakal memberikan graduan tempatan set-set kemahiran dan sijil yang diiktiraf di seluruh dunia.

Graduan yang memiliki kecekapan teknologi dan sijil Microsoft akan meningkatkan peluang diterima bekerja, terutama dalam pasaran kerja yang begitu pantas berubah.

"Pada perspektif institusi pengajian tinggi pula, melibatkan diri dalam Program Akademi IT Microsoft mampu menambah kualiti, relevan dan daya saing dari aspek kurikulum teknologi," ujar Shahrin.

Keahlian Program Akademi IT Microsoft terdiri daripada dua peringkat iaitu